



Bahagian A Sistem Bahasa

Soalan 1 – 2

Lengkapkan ayat-ayat yang berikut dengan memilih jawapan yang paling sesuai.

- 1 Kenaikan harga minyak telah menimbulkan _____ pendapat antara pengguna dan pengeluar.
A keraguan C kekesalan
B pertikaian D perselisihan
- 2 Mihun goreng yang dimasak oleh ibu _____ kerana tidak dibubuh garam.
A kelat C masin
B tawar D manis

Soalan 3

Ayat-ayat di bawah mungkin betul dan mungkin salah. Jika terdapat kesalahan, kesalahan itu telah ditandakan dengan A, B atau C dan jika tiada kesalahan telah ditandakan dengan D.

- 3 Kempen antirokok itu dijalankan ke A B
sekolah secara proaktif bagi meningkatkan kesedaran tentang bahaya akibat tabiat C
buruk itu. Tiada kesalahan. D

Soalan 4

Pilih ayat-ayat yang menggunakan perkataan berhuruf condong dengan betul.

- 4 I Pak Baba dan pekerjaanya sedang *mengeringkan* kolam ikan itu.

II Saidatul Ena *mengeringkan* pinggan yang dicuci oleh adiknya dengan sehelai tuala.

III Ibu berpesan kepada kakak supaya *mengeringkan* sisa makanan itu dengan segera.

IV Abang ditegur oleh ibu kerana *mengeringkan* lauk yang disimpan untuk kakak.

- A I dan II sahaja
- B II dan IV sahaja
- C I, II dan III sahaja
- D II, III dan IV sahaja

Soalan 5

Pilih ayat yang mempunyai maksud yang sama atau maksud yang paling hampir dengan ayat yang dicetak tebal.

5 “Jangan buat bising ketika saya mengajar,” kata Cikgu Rafikah kepada murid-muridnya.

- A Cikgu Rafikah mengingatkan murid-muridnya agar tidak bising semasa belajar.
- B Cikgu Rafikah melarang murid-muridnya membuat bising semasa guru lain mengajar.
- C Cikgu Rafikah melarang murid-muridnya membuat bising semasa dia mengajar.
- D Cikgu Rafikah menasihati murid-muridnya agar tidak membuat bising semasa murid lain belajar.